



**18 September 2009 (Jumaat)**

### **Siasat laman web siar dokumen PKFZ Kabinet**

PUTRAJAYA 18 Sept. - Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, polis akan menyiasat sebuah laman web yang menyiarkan dokumen didakwa Kertas Kabinet mengenai isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ). Perdana Menteri menegaskan, jika benar dokumen yang disiarkan itu Kertas Kabinet, mereka yang terlibat boleh dikenakan tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA). "Polis akan siasat dan tengok hasilnya nanti. Apa-apa tindakan ke atas pesalah boleh diambil di bawah OSA," katanya selepas mempengerusikan mesyuarat penyelarasan program Permata Negara di sini, hari ini.

Semalam, sebuah laman web menyiarkan dokumen 18 muka yang didakwa sebagai memorandum daripada Menteri Kewangan bertarikh 22 Jun 2007 berhubung PKFZ. Menurut Najib, OSA diwujudkan bukan bertujuan menafikan hak rakyat untuk mendapatkan maklumat yang sepatutnya diterima oleh mereka. Katanya, kerajaan akan mengumumkan kepada orang ramai mengenai hasil siasatan isu PKFZ apabila siap kelak.

**19 September 2009 (Sabtu)**

### **Isu PKFZ: Polis sah buka kertas siasatan**

KUALA LUMPUR 19 Sept. - Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan mengesahkan pihaknya telah membuka kertas siasatan berhubung pendedahan dokumen yang didakwa Kertas Kabinet mengenai isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) dalam sebuah laman web.

Beliau berkata, polis sedang menjalankan siasatan dan akan memanggil individu yang dikenal pasti terlibat untuk membantu siasatan. "Tiada apa yang saya boleh beritahu setakat ini, polis sedang siasat. Kita akan panggil sesiapa saja yang terlibat untuk diambil keterangan mereka," katanya ketika dihubungi *Mingguan Malaysia* di sini semalam.

Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak hari ini mengarahkan polis menyiasat sebuah laman web yang menyiarkan dokumen 18 muka surat yang didakwa sebagai memorandum daripada Menteri Kewangan bertarikh 22 Jun 2007 berhubung PKFZ. Najib menegaskan, pihak yang didapati bertanggungjawab atas perbuatan itu akan dikenakan tindakan di bawah Akta Rahsia Rasmi (OSA).

**21 September 2009 (Isnin)**

## **Pakej rangsangan ekonomi berkesan**

KUALA LUMPUR 21 Sept. - Dua pakej rangsangan ekonomi yang diumumkan oleh kerajaan sebelum ini berada pada landasan yang betul dan mula memberi kesan positif terhadap pemulihan ekonomi negara, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak. Pakej rangsangan tersebut berjumlah RM67 bilion itu telah menjana peluang pekerjaan dan pendapatan kepada kontraktor kecil termasuk mereka di kawasan pedalaman," katanya dalam kenyataan di sini hari ini.

Kerajaan mengumumkan pakej rangsangan ekonomi pertama berjumlah RM6.07 bilion pada November tahun lalu manakala pakej kedua bernilai RM60.93 bilion pada Mac tahun ini. Sektor pembinaan menyaksikan pertumbuhan 2.8 peratus pada suku akhir kedua berbanding 1.1 peratus yang dicatatkan pada suku akhir pertama tahun ini, kata Najib semasa menghuraikan perkembangan terbaru hasil pakej rangsangan itu.

Najib juga mengarahkan semua kementerian dan agensi kerajaan supaya melaksanakan dan menyiapkan semua projek yang dikenalpasti di bawah pakej pertama tahun ini. "Setakat ini, sejumlah 83,939 telah ditawarkan di mana 53,076 projek bernilai RM6.07 bilion di bawah pakej pertama dan bakinya di bawah pakej kedua yang dirangka meliputi tempoh masa dua tahun," katanya.

"Ini bermakna dalam masa 10 bulan selepas pengumuman pakej pertama, 90 peratus projek yang dikenalpasti telah ditawarkan dan sedang dalam pelbagai peringkat pelaksanaan," katanya.

Sektor pembinaan adalah antara penerima faedah terbesar di kalangan beberapa sektor yang diberi suntikan dana kerana sektor itu membawa kesan besar kepada pertumbuhan ekonomi negara. Najib berkata, sejumlah RM7.92 bilion telah dibayar kepada kontraktor bagi penyiapan 41,176 projek di bawah pakej pertama dan kedua rangsangan ekonomi yang dilancarkan bagi menangani kelembapan ekonomi global akibat krisis kewangan antarabangsa yang menjaskan teruk pasaran eksport.

Projek yang disiapkan termasuk pembinaan rumah kos rendah, infrastruktur, sekolah, balai polis dan kuarters pelbagai kelas untuk Angkatan Tentera Malaysia (ATM). Najib berkata selaras dengan strategi kerajaan "rakyat didahulukan", sejumlah 1,126 projek perumahan dibina untuk 5,630 keluarga di seluruh negara.

Perdana Menteri itu secara peribadi memantau secara dekat pelaksanaan semua aspek pakej secara mingguan. "Pendekatan secara dekat itu bagi memastikan sasaran yang ditetapkan di bawah dua pakej itu dapat dicapai. "Kerajaan juga memperuntukan RM1 bilion bagi pembangunan modal insan bagi mengekalkan kompetitif negara serta meningkatkan kecekapan pasaran tenaga kerja," jelasnya.

Pelaksanaan pakej rangsangan itu dikawal selia oleh beberapa agensi dengan dipimpin oleh Ketua Pegawai Operasi Unit Pengurusan Projek (PMU), Datuk Mohamad Othman Zainal Azim yang melaporkan secara terus kepada Perdana Menteri. Sebuah jawatankuasa teknikal yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan juga melaporkan segala kemajuan pakej itu kepada jawatankuasa pemandu yang dipengerusikan oleh Najib.

Prosedur juga diseragamkan bagi memastikan pelaksanaan semua projek dilakukan secara pantas. Orang awam boleh mendapatkan butiran dan maklumat terbaru serta pertanyaan mengenai kemajuan pakej rangsangan dengan melayari laman web di [www.rangsangekonomi.treasury.gov.my](http://www.rangsangekonomi.treasury.gov.my). – BERNAMA.

## **23 September 2009 (Rabu)**

### **Menteri akan disoal berhubung penyiaran kertas kabinet PKFZ**

KUALA LUMPUR 23 Sept. — Ketua Polis Negara, Tan Sri Musa Hassan berkata, Menteri Kabinet adalah antara individu yang akan dipanggil bagi memberi keterangan berhubung kes penyiaran dan penyebaran Kertas Kabinet mengenai isu Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) di sebuah laman web baru-baru ini. Bagaimanapun, beliau enggan mendedahkan siapa atau berapa menteri yang akan disoal untuk mengenalpasti pihak yang bertanggungjawab mendedahkan dokumen sulit itu yang membabitkan Akta Rahsia Rasmi (OSA). "Polis akan memanggil mereka yang dipercayai terlibat termasuklah menteri," katanya kepada pemberita selepas selesai melawat Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Ampang Jaya di sini hari ini.

Kertas Kabinet mengenai PKFZ itu disiarkan di sebuah laman web didakwa sebagai Memorandum Daripada Menteri Kewangan berhubung PKFZ yang tertakluk kepada OSA. Musa bagaimanapun enggan mengulas lanjut mengenai isu itu kerana bimbang ia akan menganggu siasatan.-Bernama

## **23 September 2009 (Rabu)**

### **RM140j bina kampus UMK di Bachok, Jeli**

KOTA BHARU 23 Sept. - Kerajaan Pusat meluluskan peruntukan RM140 juta untuk menyiapkan pembinaan kampus tetap Universiti Malaysia Kelantan (UMK) di jajahan Bachok dan Jeli. Naib Canselor UMK Prof. Datuk Zainal Mohamed berkata, peruntukan yang diluluskan itu membolehkan kampus berkenaan disiapkan pada akhir tahun hadapan. "Sebanyak RM100 juta telah diluluskan kepada kampus utama UMK di Bachok manakala RM40 juta untuk kampus kedua UMK di Jeli," katanya di sini hari ini.

Beliau berkata, penubuhan UMK akan membuka lebih banyak peluang pendidikan, pekerjaan dan perniagaan kepada penduduk di Pantai Timur. "Pembinaan fizikal universiti boleh merancakkan pembangunan sekitar kerana dengan ramainya pelajar dan pensyarah maka terdapat peluang perniagaan di kawasan itu berikutan wujudnya penempatan," katanya.

Sehingga kini 1,253 pelajar sedang mengikuti pengajian di universiti berkenaan. Zainal berkata, 294 pelajar diambil pada 2007 untuk meneruskan pengajian mereka di UMK dan beliau menjangkakan jumlah pengambilan meningkat kepada 2,150 pelajar pada tahun depan. – Bernama.

**23 September 2009 (Rabu)**

### **Skandal PKFZ cabaran ketelusan sistem**

PETALING JAYA 23 Sept. - Skandal Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ) akan menjadi cabaran positif untuk memperbaharui dan memastikan sistem negara yang lebih telus lagi. "PKFZ merupakan peristiwa hitam dalam sejarah negara, tetapi hasil daripadanya akan menjadi satu cabaran yang positif untuk memperbaharui diri kita sendiri," kata Presiden Transparency International-Malaysia (TI-M), Datuk Paul Low hari ini.

Low juga merupakan Pengurus Jawatankuasa Sementara Pentadbiran dan Tadbir Urus Korporat PKFZ. "Saya berharap apa yang berlaku dalam PKFZ akan menjadi contoh baik apa yang sepatutnya dilakukan bagi agensi lain dan agensi berkaitan kerajaan. Kita tidak boleh membazirkan sumber kita," katanya kepada pemberita selepas mengumumkan hasil Laporan Rasuah Global 2009: Rasuah dan Sektor Swasta, di sini, hari ini.

Menyifatkannya sebagai satu daripada skandal terbesar tahun ini, Low berkata, jawatankuasa itu kini sedang mencari tiga pengarah bukan eksekutif bebas untuk menduduki lembaga. Beliau berkata, sifat-sifat peribadi akan menjadi kriteria pertama bagi pengarah, sebelum kecekapan. "Mereka perlu mempunyai sikap bertanggungjawab dan tidak mempunyai kepentingan diri sendiri," katanya semasa ditanya mengenai kriteria pelantikan. Calon-calon akan dipilih daripada mereka yang tidak mempunyai hubungan politik tetapi mahu membantu negara dan PKFZ serta mempunyai pengetahuan mengenai industri pelabuhan, katanya.

Mengenai sama ada tempoh beliau dalam jawatankuasa itu akan dilanjutkan, Low menjawab: "Jika perkara masih tidak selesai, saya mungkin meminta lanjutan." Jawatankuasa itu dijangka mempunyai masa sehingga Januari 2010 untuk menyelesaikan tugasannya. – BERNAMA.

**25 September 2009 (Jumaat)**

## **Ekonomi - Kerajaan suntik RM2b dalam WCGS**

KUALA LUMPUR 25 Sept. - Kerajaan bersetuju untuk menyuntik dana tambahan sebanyak RM2 billion bagi Skim Jaminan Modal Kerja (WCGS) yang dilaksanakan oleh Bank SME, sebuah agensi Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI). Suntikan itu dilakukan setelah menerima sambutan yang amat menggalakkan daripada orang ramai. MITI dalam kenyataan yang dikeluarkan di sini hari ini berkata, suntikan tambahan itu akan dilakukan melalui pemindahan dana dari Skim Jaminan Penstruktur Semula Industri (IRLGS) kepada WCGS. Jelas kenyataan itu sehingga 16 September lalu, kelulusan yang telah dikeluarkan bagi skim WCGS adalah sebanyak RM130,095,601.15 melibatkan 51 pemohon.

Manakala Bagi Skim Jaminan Penstruktur Semula Industri (IRLGS) pula sebanyak RM63,376,200.00 melibatkan 11 pemohon. Jelas MITI, Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Mustapha Mohamed amat berpuas hati dengan perkembangan terbaru ini. "Beliau memohon agar syarikat Perusahaan Kecil dan Sederhana mengambil peluang yang telah diberi oleh (PKS) Kerajaan untuk mengukuhkan modal kerja mereka dan meningkatkan operasi serta keluaran syarikat. "Para usahawan PKS yang berminat untuk memohon skim ini melalui Bank SME boleh menghubungi mana-mana cawangan bank untuk mendapatkan keterangan lanjut," ujar kenyataan tersebut.

Di dalam program pakej rangsangan ekonomi kedua, kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM10 bilion bagi skim jaminan termasuk WCGS untuk menggalakkan pinjaman bank terutamanya kepada PKS. Skim WCGS ini membolehkan syarikat Malaysia dari semua sektor ekonomi yang mempunyai pegangan ekuiti kurang dari RM20 juta untuk mendapatkan pinjaman dari bank. Jumlah pinjaman yang ditawarkan adalah dari RM50,000 hingga RM10 juta bagi kegunaan modal kerja dengan jaminan kerajaan sehingga 80 peratus daripada jumlah pinjaman.

**25 September 2009 (Jumaat)**

## **PKA fail saman tuntut RM920 juta**

Oleh NORAZLITA MOHD. SIES [pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)



**LEE Hwa Beng menunjukkan fail notis tuntutan saman selepas memfailkan dokumen itu di Mahkamah Tinggi, Shah Alam, semalam.**

SHAH ALAM 25 Sept. - Lembaga Pelabuhan Klang (PKA) hari ini memfailkan dua saman terhadap syarikat pemaju utama Zon Bebas Pelabuhan Klang (PKFZ), Kuala Dimensi Sdn. Bhd. (KDSB) dan syarikat perunding, BTA Architect untuk menuntut ganti rugi RM920 juta. Writ saman tersebut difailkan sendiri oleh Pengerusi PKA, Datuk Lee Hwa Beng di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil di sini pada pukul 11 pagi. Hwa Beng bagaimanapun enggan memberikan salinan kedua-dua writ saman kepada pihak media dengan alasan bimbang ia akan disalah lapor.

Sebaliknya beliau mengedarkan kenyataan media dan hanya memberikan nombor fail bagi dua saman yang difailkan. Beliau juga meminta supaya pihak media mencari sendiri saman tersebut daripada mahkamah sekiranya ingin mengetahui butirannya. Berdasarkan kenyataan media, Hwa Beng antaranya menyatakan, saman dikemukakan oleh PKA berhubung perjanjian pembangunan dan pembekalan yang telah ditandatangani pada Februari 2003 dan November 2006. Katanya, PKA menuntut pembatalan keseluruhan perjanjian pembangunan dan deklarasi bahawa KDSB hanya berhak dibayar nilai yang berpatutan bagi kerja yang telah dibuat dengan sempurna.

Secara alternatif, PKA memohon deklarasi bahawa semua notis pembayaran yang dikeluarkan oleh KDSB adalah batal dan tidak sah. Selain itu, PKA juga memohon deklarasi bahawa KDSB tidak berhak untuk menerima bayaran dan PKA tidak perlu membayar kepada KDSB bagi keseluruhan tuntutan berjumlah RM836,758,459.92. Ia berhubung kerja pembinaan pembentungan serta kerja pembekalan air oleh KDSB dan semua yang termaktub di bawah perjanjian itu. Selain itu, PKA juga memohon perintah bahawa kerja-kerja yang dibuat oleh KDSB dinilai semula oleh perunding bebas yang dilantik oleh mahkamah.

Pada 18 September lalu, PKA telah memfailkan saman di Mahkamah Tinggi di sini untuk menuntut ganti rugi RM720 juta. Selain itu, PKA memohon deklarasi bahawa peningkatan kadar faedah daripada lima peratus ke 7.5 peratus dalam perjanjian pembekalan dan penambahan bagi kerja-kerja pembangunan yang ditandatangani pada April 2006 sebagai tidak sah dan terbatal.

KDSB adalah pemaju yang dilantik oleh PKA pada 2003 untuk membangunkan PKFZ yang memulakan operasi sejak 1 November 2007 di Pulau Indah, bersebelahan Pelabuhan Barat, Pelabuhan Klang. PKFZ merupakan projek nasional yang diluluskan oleh Kabinet pada 1999 untuk menyediakan infrastruktur bagi membantu pertumbuhan kargo di Pelabuhan Klang, menjana ekonomi negara serta mewujudkan peluang pekerjaan dan perkhidmatan sokongan serta aktiviti perniagaan sampingan. Isu KDSB menjadi tumpuan baru-baru ini ekoran didakwa mengenakan caj berlebihan terhadap PKA bagi projek PKFZ menyebabkan lembaga itu dan projek berkenaan menanggung kerugian. BTA adalah juru perunding yang dilantik bagi kerja-kerja pembangunan dalam projek PKFZ

## **26 September 2009 (Sabtu)**

### **Felda fokus tiga perkara mulai 2010**

KUALA TERENGGANU 26 Sept. — Felda akan memfokuskan kepada tiga perkara utama mulai tahun 2010 iaitu rancangan penanaman semula sawit berumur 25 tahun ke atas, perumahan dan pembangunan komuniti dalam usaha untuk memenuhi kehendak dan meningkatkan taraf hidup masyarakat Felda. Pengurusnya, Tan Sri Dr. Mohd. Yusof Noor berkata, Felda akan membelanjakan RM2.1 bilion untuk menanam semula sawit yang berusia 25 tahun ke atas seluas 92,000 hektar sehingga 2012. "Tindakan menanam semula telah bermula sekarang dan sasaran kita semua rancangan tanaman semula selesai akhir tahun 2012," katanya kepada pemberita pada majlis sambutan Hari Raya di Felda Residence di sini hari ini.

Yusof berkata, projek perumahan dan pembangunan komuniti juga merupakan antara dua perkara yang akan diberikan penekanan bagi memenuhi kehendak masyarakat Felda. Beliau berkata, industri penanaman sawit memberi pulangan lebih kurang RM10 bilion setahun dan memberi keuntungan kepada Felda sekitar RM1 bilion setahun. – Bernama.